

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 PENDAHULUAN**

Organisasi ketenteraan adalah merupakan satu organisasi yang unik. Ia merupakan suatu organisasi *self-contained* dan dilengkapi dengan semua peralatan dan sokongan logistik bagi mendokong tugas dan peranannya. Bagi pentadbiran pasukan, tiga perkara utama yang dipertanggungjawabkan iaitu perkara-perkara operasi/latihan (G Matters), perkara-perkara pentadbiran (A Matters), dan perkara-perkara logistik (Q Matters). Ketiga-tiga perkara ini mestilah digembangkan dengan jitu agar misi yang telah dipertanggungjawabkan dapat dicapai.

Anggota tentera adalah merupakan aset penting kepada organisasi dan merupakan elemen penting untuk mencapai matlamat yang telah digariskan oleh pucuk pimpinan. Lt Gen William G Pagonis dalam bukunya “Moving Mountain” menyebut mengenai pentingnya mengurus aset sumber manusia : “*... smart weapon only work when smart, well trained personnel are available to operate them..*” (Lt Gen William G Pagonis, 1992). Apabila anggota tentera sebagai pengendali peralatan, organisasi akan menghadapi masalah sebenar

disebabkan oleh kesilapan yang akan memberikan kesan kepada kecekapan dan keberkesanan.

Pada masa ini sering terdengar rungutan dan dakwaan yang menyatakan bahawa pengurusan logistik di pasukan infantri batalion tidak mantap ( Laporan Pemeriksaan Bahagian Inspektorat Tentera Darat (BITD), 2007). Walaupun begitu, dakwaan ini tidak dibuktikan dengan secara saintifik. Iaitu tidak ada lagi kajian secara terperinci dan ianya adalah berdasarkan kepada laporan, seminar dan pekeliling yang telah diedarkan oleh markas atasan. Merujuk kepada (Arahan Logistik No. 1, 1994) dan Laporan (BITD, 2007) antara sebab-sebab yang menyumbang kepada perkara ini adalah.

- Pengurus fungsional tidak menyedari bahawa pengurusan logistik adalah merupakan fungsi pemerintahan. Kurang kepekaan dan keprihatinan terhadap fungsi keseluruhan ke atas sumber logistik yang telah dipertanggungjawabkan kepada mereka. Pemerintah pasukan tidak mengambil perhatian yang serius terhadap tanggungjawab masing-masing. Pemerintah hanya menyerahkan tanggungjawab logistik kepada staf yang bertanggungjawab mengendalikan perkara tersebut.

- Pengurus yang tidak biasa dan kurang mahir mengikuti arahan dan peraturan logistik yang semasa bagi menguruskan sumber dan ini menyebabkan keadaan-keadaan berikut ;
  - Pemerintah tidak dapat menggunakan sepenuhnya kepakaran yang berkesan terhadap staf logistik.
  - Pemerintah tidak dapat menimbulkan pengaruh yang positif yang mana ini adalah penting untuk menggerakkan anggota bawahan untuk terus berusaha.
  - Pemerintah yang bersifat angkuh dan berlagak semua tahu serta enggan mendengar dan menerima nasihat daripada staf dan pakar yang berkelayakan.

## 1.2 PENGERTIAN PENGURUSAN LOGISTIK

Maksud keberkesanan dalam kajian ini adalah praktis pengurusan logistik dalam organisasi boleh diukur seperti berikut;

- Memenuhi dan mengikut keperluan pihak atasan (external customer) dimana mengikut dan mematuhi arahan-arahan dan

prosuder semasa pengurusan logistik supaya tidak berlaku pembaziran sumber, membuat permohonan yang lebih atau kurang.

- Memenuhi keperluan dalaman pelanggan (internal customer) – kemahuan dan keperluan semua tahap anggota iaitu sumber boleh diperolehi ataupun diadakan mengikut kuantiti, kualiti dan tepat pada masa diperlukan. Perkara ini boleh ditentukan dengan pengumpulan data-data sekunder dan primer berdasarkan laporan-laporan, kesedaran, sikap dan kefahaman terhadap mengenai arahan-arahan dan prosuder yang sedia ada dalam organisasi.

Logistik melibatkan pengurusan fasilitas, pengangkutan, inventori, material, memenuhi keperluan permintaan, komunikasi dan maklumat dalam organisasi untuk penilaian pelanggan (Novack, Rinehart, dan Wells, 1992).

Intipati kajian logistik semasa, adalah merupakan penerokaan fungsi sistem pengurusan logistik secara berkesan kepada perkhidmatan pelanggan, jumlah kecekapan kos, perbandingan kebaikan, dan peningkatan pelaksanaan organisasi. Bidang pengurusan logistik yang boleh di lihat mengandungi elemen utama seperti rangkaian pengangkutan, gudang, pengendalian pengurusan material, pengurusan inventori, memenuhi keperluan, perolehan dan khidmat pelanggan (Mentzer, Stank dan Esper, 2008 )

Dalam terminologi tentera , logistik didefinasikan sebagai perkara yang melibatkan perolehan, senggaraan dan pengangkutan material, fasilitas dan personel (*Webster's Seventh New Collegiate Dictionary*, 1983). Definasi logistik secara jelasnya yang diberikan oleh Laporan Teknikal Tentera Udara USA adalah merupakan rancangan dan pelaksanaan senggaraan tentera. Aspek aktiviti yang melibatkan penyimpanan, pergerakan, agihan material, personel dan fasilitas (Blancard, 1992).

Lt General William G Pagonis, Pemerintah Logistik USA semasa Perang Teluk menyatakan logistik merupakan integrasi pengangkutan, bekalan, gudang, senggaraan, perolehan, kontrak dimana memoptimumkan peningkatan aktiviti tersebut akan mencapai matlamat, objektif atau misi (Lt Gen William G Pagonis & Jeffrey L Cruikshank, 1994).

Berdasarkan kepada maksud dan pengertian logistik ianya adalah merupakan sebahagian daripada pengurusan rantaian bekalan kerana dapat dilihat ialah mengenai strategik, perancangan, operasi yang melibatkan pengangkutan, gudang, peruncitan untuk memenuhi kehendak pelanggan ( Chopra dan Meindl, 2001). Pengurusan rantaian bekalan juga hendaklah melalui proses penting seperti proses permohonan, hubungan dengan pelanggan, perkhidmatan pelanggan, memenuhi pesanan, perolehan, pengembalian (Croxton, 2001).

### **1.3 PERSOALAN KAJIAN**

Cabaran yang dihadapi oleh Pegawai Memerintah dalam sesebuah batalion dengan pertambahan tugas dan terpaksa berdepan dengan sumber yang terhad sudah tentunya memberikan kesan negatif kepada kecekapan dan keberkesanan batalion. Pengurusan Logistik merupakan perkara utama untuk menentukan batalion melaksanakan peranan dan tanggungjawab. Implimentasi *Strike Brigade* sejajar dengan matlamat dan strategi Tentera Darat memberikan kepentingan dan kesan kepada keupayaan logistik batalion 8 RAMD. Perkara utama yang telah digariskan oleh pihak atasan adalah mengenai perolehan peralatan logistik. Masalah yang dihadapi oleh pasukan ialah untuk memenuhi keperluan peralatan bagi menentukan semua anggota dilengkapi dengan peralatan sepenuhnya. Dewasa ini pasukan mengalami masalah untuk mendapatkan penggantian perkara asas seperti pakaian tempur kerana ianya akan memberikan kesan kepada keberkesanan latihan dan tugas di pasukan. Untuk mendapatkan penggantian dan memenuhi keperluan peralatan, pasukan juga hendaklah membuat pelupusan terhadap peralatan yang tidak boleh digunakan lagi. Segala peralatan yang ada juga hendaklah disimpan di tempat yang telah dikhaskan bagi sesuatu peralatan. Stor yang ada mestilah mampu untuk memegang stok peralatan di pasukan.

Segala permohonan dan pengurusan yang melibatkan perolehan peralatan logistik hendaklah dikendalikan dengan cekap dan baik. Sejauhmanakah segala praktis pengurusan yang melibatkan prosuder dan peraturan agar ianya dapat memenuhi keperluan dokumentasi yang betul. Oleh itu kajian ini untuk mengenalpasti punca masalah dan mencadangkan untuk mengatasi masalah tersebut.

#### **1.4    OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif utama kajian untuk menilai tahap keberkesanan pengurusan logistik dan faktor yang mempengaruhi keberkesanannya. Objektif khusus kajian seperti berikut:

- Untuk mengenalpasti tahap kecekapan dan keberkesanan pengurusan logistik di batalion 8 RAMD .
- Untuk mengenalpasti kaitan antara keberkesanan pengurusan logistik dan pengurusan permohonan, memenuhi keperluan, pelupusan, pengurusan inventori dan pengurusan dokumen.
- Untuk memberikan cadangan bagi menambahbaikan pengurusan logistik di batalion.

## **1.5 KEPENTINGAN KAJIAN**

Kepentingan kajian ini untuk mengemukakan implikasi strategi pengurusan yang memfokuskan kepada keberkesanan pendekatan pengurusan logistik. Kajian ini akan memberikan garis panduan kepada pasukan tertentu dan formasi untuk membangunkan strategi logistik bagi mencapai kesiapsiagaan tempur. Ianya juga akan membincangkan pengurusan rantaian bekalan semasa yang di praktiskan di batalion 8 RAMD dimana mengenai proses pengurusan permohonan, proses untuk memenuhi keperluan, pengurusan proses pelupusan, proses pengurusan inventori dan proses pengurusan dokumentasi.

Sebagai tambahan, kajian ini juga akan memberikan maklumat kepada pihak atasan tentang persepsi hubungan anggota dengan tugas dan organisasi. Dengan ini ianya akan memberikan gambaran anggota kepada pihak atasan mengenai keperluan anggota dan untuk menguruskan dengan lebih berkesan dengan memberikan keperluan logistik yang sepatutnya kepada anggota-anggota tersebut.

Kajian yang akan dibuat adalah berdasarkan kepada persektif pengguna. Pengguna adalah semua anggota tentera dalam pasukan tersebut. Ini adalah untuk mengenal pasti segala pengurusan logistik di pasukan dapat

dimanfaatkan oleh semua anggota tersebut melalui maklumbalas yang diterima.

## **1.6 STRUKTUR KAJIAN**

Struktur laporan dalam kajian adalah mengikut bab-bab. Bab 1 adalah merupakan pendahuluan yang mengandungi gambaran mengenai kajian kes berkenaan, objektif kajian dan persoalan kajian. Dalam bab ini juga menyentuh mengenai kepentingan kajian. Bab 2 menyentuh dan menerangkan mengenai sorotan karya/literatur yang ada kaitan dengan kajian. Dalam bab ini juga akan menerangkan mengenai kerangka kajian. Bab 3 membincangkan metodologi kajian yang menyentuh teknik persampelan, kaedah pengumpulan data dan penganalisaan data-data. Bab 4 akan menganalisa statistik yang dikumpulkan dan membincangkan hasil penemuan kajian. Bab 5 merupakan penutup dan memberikan cadangan mengenai pengurusan logistik di batalion.